

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ **al-Hadaf** الهدف **PENYAMPAI WAWASAN INSTITUSI FATWA**



جَمَاعَةُ مُفِيْدِي كَلِمَاتِ

JARATAN MUFTHI KERAJAAN

JARATAN BERDANA MEMBERI

NEGARA TERUSHI DORONGKAN

Umat Islam **Perlu Terus Hayati** **Amalan Bersyukur**

Oleh: Haji Mohidin bin Haji Mustapha

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam di negara ini untuk terus menerus menghayati amalan bersyukur dengan peningkatan terhadap aktiviti-aktiviti berkebajikan di semua lapangan atau bidang, sama ada ianya berhubung dengan ibadat mahupun sosial dan sebagainya. Baginda bertitah demikian sempena menyambut

'Idul Fitri 1423 yang lalu yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 5 Disember, 2002.

Menurut baginda lagi, "*Sesungguhnya nikmat itu akan terpelihara dengan amalan syukur, ia boleh bertahan lama dengannya, amalan syukur ialah memenuhi semua tuntutan agama dalam makna segala nikmat yang diterima tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan ketaatan semata-mata.*"

Seterusnya baginda mengingatkan kita umat Islam agar janganlah hendaknya ada perkara-perkara mungkar yang mencelah, yang mengaburkan amalan-amalan syukur itu, kerana jika ada ia boleh berisiko untuk menghakiskan nikmat serta memadamkan keberkatan.

Serentak dengan kita bersyukur di atas nikmat yang ada, titah baginda lagi, umat Islam di negara ini juga perlu berazam untuk mengekalkannya, di samping mengenali apa-apa yang menjadi sumber ketahanan nikmat itu dan apa-apa pula yang menjadi punca binasanya. Baginda memetik firman Allah dalam Surah Ibrahim ayat 7 tafsirnya: "Demi sesungguhnya, jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambah nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya juga jika kamu

(Bersambung ke muka 20)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah para jemaah selepas menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Sya'ban • Syawal 1423
Oktober • Disember 2002
Tahun 6 Bilangan 4

Menarik Di Dalam :

- 3** Untuk Maju Banteras Gejala Suka Membuang Masa Terlebih Dahulu - Titah
- 6** Fatwa Mufti Kerajaan: Bolehkah Mengebiri Binatang?
- 12** Tobacco & Smoking from an Islamic Perspective ((Part One))
- 13** Bagaimana Untuk Disayangi Suami?
- 14** Binatang Ganjil Dorong Pemuda Nasrani Memeluk Islam

Semoga Rejab, Sya'ban dan Ramadhan Tidak Berlalu Begitu Saja



Al-Hadaf Tahun 6 Bil: 4 • Sya'ban-Syawal 1423 / Oktober - Disember 2002

Bulan Rejab, Sya'ban dan Ramadhan adalah bulan pahala dan ibadat yang tidak terdapat pada bulan-bulan yang lain. Bahkan bulan Rejab itu dinamakan bulan Allah, bulan Sya'ban bulan Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan bulan Ramadhan pula adalah bulan umat baginda.

Keagungan bulan Rejab ialah dengan peristiwa Isra' dan Me'raj junjungan besar Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* pada malam 27 Rejab. Pada malam itu Baginda telah menerima perintah sembahyang langsung daripada Allah *Subhanahu wata'ala*. Sesungguhnya sembahyang itu merupakan suatu perintah dan kewajipan yang mesti dijunjung dan dilaksanakan, dan ia tidak boleh dilihat sebagai suatu bebanan, kepayahan atau halangan. Bahkan selayaknya menganggapnya sebagai suatu kurniaan yang istimewa dengan nikmat yang paling besar.

Keagungan bulan Sya'ban pula ialah dengan adanya malam *Nisfu Sya'ban*. Malam *Nisfu Sya'ban* perlu dihayati dengan ibadat kerana ia merupakan malam yang *mustajab* doa di dalamnya.

Cara umat Islam sekarang ini menghidupkan malam *Nisfu Sya'ban* ialah dengan membaca Surah Yâsin tiga kali selepas sembahyang Maghrib dan setiap kali lepas membaca Yâsin itu memohon doa dipanjangkan umur, dijauhkan bala dan dimurahkan rezeki.

Keagungan bulan Ramadhan pula ialah dengan adanya malam *Nuzul al-Qur'an* dan *Lailatul Qadar*. Al-

Qur'an diturunkan pada malam 17 Ramadhan. Ia adalah petunjuk atau pedoman dalam mengharungi kehidupan ini. Sementara *Lailatul Qadar* pula kemuliaan dan kebesarannya lebih baik daripada seribu bulan.

Pada bulan-bulan tersebut terbuka pintu langit dan pintu syurga. Dengan kata lain, pada bulan ini doa-doa adalah *mustajab*. Kerana itu kita digalakkan membanyakkan amal ibadat seperti berpuasa, sembahyang, berzikir, berdoa, membanyakkan istighfar dan bertaubat.

Beruntunglah mereka yang telah merebut peluang tersebut dengan sebaiknya dan akan rugilah pula mereka yang membiarkan bulan-bulan tersebut berlalu begitu saja.

Selepas Ramadhan, tiba pula bulan Syawal. Di bulan ini mercu tanda kemenangan kita ialah 'Idulfitri. Setelah tabah dengan rasa penuh keinsafan semasa menunaikan ibadat puasa di bulan Ramadhan, kita akan merasakan pula kegembiraan dan kerianan di bulan Syawal. Dalam suasana gembira merayakan hari kemenangan itu kita dituntut pula mengucapkan syukur kerana dapat merayakannya dengan aman dan selesa.

Selepas Syawal, menjelang pula Zulkaedah di mana umat Islam termasuk dari negara kita Brunei Darussalam bersiap-siap untuk berangkat ke tanah suci bagi menunaikan rukun Islam kelima, iaitulah fardhu haji. Diucapkan selamat menunaikan ibadat haji dan semoga beroleh haji yang *mabrûr*, Amin. ■

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari
bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah,
Pengaruh Pentadbiran.

PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha
Ketua Bahagian
Penerbitan dan Penerangan

PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jalil
Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Awang Haji Duraman bin Haji Kula
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih
atas elisan Foto
kepada:*

*Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri*

PERINGATAN

Jagalah suratberita ini
dengan baik dan cermat,
kerana ia mengandungi
ayat-ayat al-Qur'an dan
hadis Nabi
Sallallahu 'alaihi wasallam

Untuk Maju Banteras Gejala Suka Membuang Masa Terlebih Dahulu - Titah

Oleh Haji Yakob bin Haji Metali

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru umat Islam agar membanteras dalam diri masing-masing terhadap gejala suka membuang masa terlebih dahulu dan sikap tidak istiqamah kepada amalan bertakwa, jika kita dan juga pewaris generasi akan datang mempunyai cita-cita dan harapan untuk maju.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan anakanda-anakanda baginda ketika berangkat masuk ke Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Menurut baginda, inilah jalan yang dapat mengeluarkan kita daripada kelemahan dan kemunduran, dan kerana itu kita perlu kembali semula kepada petunjuk Allah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 27 Rejab, 1423 bersamaan 3 Oktober, 2002.

Cara menghargai masa itu menurut baginda ialah dengan menggunakannya pada jalan yang berkebakikan atau di tempat-tempat yang terpuji sahaja,

seperti di dalam sembahyang itu ada lima waktu yang kita dituntut memenuhinya.

"Menyentuh mengenai dengan pengawalan masa ini, umat Islam yang terdahulu telahpun mempraktikkannya dengan baik, dan kerana itulah pula, mereka telah berjaya menjadi umat yang kuat serta berwibawa. Mereka menjana tamadun dan keagungan dengan berpanduan bimbingan Allah dalam surah al-'Asr; tafsirnya: "Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan sabar."



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada penerima Anugerah Kategori Belia Masjid yang disandang oleh Masjid Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

"Inilah rahsia kejayaan itu. Umat Islam di zaman silamnya benar-benar mendalami rahsia masa. Mereka tidak membuang-buang masa, tetapi sentiasa merebut dan mengambil kesempatan untuk melakukan sebanyak mungkin amal salih di dalam kehidupan mereka," titah baginda.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah anakanda-anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda

Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Di majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan hadiah kepada penerima anugerah kategori Aktiviti Takmir Masjid, Pemeliharaan Riayah, Pengurusan Idarah dan Belia Masjid.

Terdahulu daripada itu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin dalam sembah alu-aluannya berkata bahawa masjid bukan saja tempat melaksanakan ibadah, malah kini ia telah dijadikan sebagai pusat khidmat dan bimbingan sesuai dengan usaha untuk mempelbagaikan lagi peranan dan fungsinya.

Majlis diakhiri dengan doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Al-Qur'an

Ubat Paling Mujarab

Oleh Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru umat Islam di negara ini agar terus membaca al-Qur'an sambil menghayati ajaran-ajarannya, kerana al-Qur'an itu adalah ubat yang tunggal serta paling mujarab untuk mengubati semua jenis penyakit perasaan termasuk runsing, resah gelisah, marah dan tidak tenteram.

Menurut baginda dengan terus menerus berbuat demikian, kita akan beroleh keberkatan berupa ketenteraman jiwa, keselamatan, kesejahteraan fizikal serta keamanan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara tahun 1423 Hijriah / 2002 Masihi yang berlangsung pada 17 Ramadhan, 1423 bersamaan 21 November, 2002, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Menurut baginda lagi, perpunca daripada isu-isu peperangan dan keganasan, semua pihak mengalami gangguan perasaan. Manusia sekarang dilanda ketakutan, tidak tenteram dan tidak aman kerana dikejar oleh perasaan sendiri, sehingga menjadikan dunia turut suram disebabkan



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama adinda dan anakanda-anakanda baginda ketika berangkat masuk ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

asyik membayangkan kecelakaan.

"Alhamdulillah, di tengah-tengah percanggahan sikap serta huru-hara yang disebabkan oleh ketakutan ini, kita orang-orang Islam masih ada jalan tersendiri untuk mengatasinya," titah baginda.

"Kita ada ubat yang mujarab, ubat tersebut ialah 'Ubat Ketuhanan' yang disediakan oleh Allah Subhanahu wata'ala sendiri.

"Manakala seseorang itu mengalami takut, atau 1001 macam lagi perasaan resah-gelisah, maka Allah Subhanahu wata'ala telah memerintahkan orang tersebut supaya mengingatiNya dengan penuh keimanan dan ibadat. Janganlah lari memilih cara yang

lain, kerana itu tidak akan mendatangkan kesan yang diharapkan," titah baginda lagi.

Di majlis tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan menghafaz al-Qur'an dan hadiah Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an kepada Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd. Manaf yang johan qariah Pertandingan Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa Ke-44 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malek dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



Setiausaha-setiausaha tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang menghadiri majlis yang berkebajikan itu.

Penterjemahan Kitab-Kitab Agama Sumbangan Bererti Kepada Perkembangan Ilmu

Oleh Haji Yakob bin Haji Metali

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin berkata bahawa penterjemahan kitab-kitab agama dari bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu memberi sumbangan yang bererti kepada perkembangan ilmu di rantau ini.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat mengalu-alukan usaha Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, menterjemahkan kitab-kitab berbahasa Arab yang dipilih ke dalam bahasa Melayu.

"Sudah tentu pemilihan mereka itu mempunyai dasar-dasar dan tujuan-tujuan yang tertentu, bagi memelihara ajaran-ajaran Islam dan meninggikan lagi syiar Islam, supaya umat Islam akan sentiasa berpegang teguh dengan pandangan hidup yang berfalsafah dan berdasarkan ilmu pengetahuan menurut ajaran-ajaran al-Qur'an, bagi mencapai keredhaan Allah," jelas Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan demikian di Majlis Pelancaran Buku 100 Keistimewaan Malam dan Hari Jumaat yang berlangsung di Darulifta Brunei Darussalam pada 21 Sya'ban, 1423 bersamaan 28 Oktober, 2002.



Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama ketika melancarkan Buku 100 Keistimewaan Malam dan Hari Jumaat.

Terdahulu daripada itu, Pengerusi Bersama Majlis Awang Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd. Daud yang juga Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Berhad (IBB) dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa penglibatan IBB dalam menerbitkan buku tersebut menggambarkan visi dan misi IBB ke arah menyumbang kepada kesejahteraan orang ramai khususnya pada pelanggannya.

Menurutnya lagi, hasrat IBB sedemikian itu adalah sealiran dengan agenda ilmu Jabatan Mufti Kerajaan, yang mana antara lain mempunyai program *mentahqiq* atau menterjemah kitab-kitab

turath yang mengandungi ilmu dan maklumat Islam yang 'authentic'.

Buku 100 Keistimewaan Malam dan Hari Jumaat adalah terjemahan daripada buku asal yang bertajuk *Khushushiyat Yaumil Jumuah* (Keistimewaan Hari Jumaat). Buku yang diterjemahkan oleh Awang Haji Mohd. Nur Lubis (Pegawai Istisbat Jabatan Mufti Kerajaan) adalah karya utama Imam Jalaluddin as-Suyuthi yang diletakkan di bahagian pertama buku terjemahan ini. Bahagian kedua adalah huraian dan ulasan terhadap buku tersebut oleh Muhammad Riyadh al-Malih yang dibuat dalam bentuk nota kaki di mana kod angka diberikan secara berturut berpandukan kod angka yang terdapat pada bahagian pertama.

Buku ini diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dan pencetakannya ditaja sepenuhnya oleh Bank Islam Brunei Berhad (IBB), sebagai sumbangan sempena Sambutan Nuzul al-Qur'an pada 17 Ramadhan 1423 bersamaan 22 November, 2002. Bagaimanapun selepas itu, buku tersebut dijual dengan harga \$7.00 senaskah.



Sebahagian daripada jemputan yang hadir di Majlis Pelancaran Buku 100 Keistimewaan Malam dan Hari Jumaat di Darulifta, Brunei Darussalam.

Bolehkah Mengebiri Binatang?



Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

Soalan:

Dengan penuh hormat kaola ingin mengemukakan masalah tentang perkara mengebiri binatang kesayangan atas permintaan tuan punya binatang tersebut. Mengebiri ini dibuat ke atas kucing jantan dengan dibuang buah kemaluannya dan yang betina pula dipotong bahagian saluran peranakannya. Kesemua ini dibuat bagi mencegah agar kucing jantan itu tidak lagi mencari kucing betina dan bagi kucing betina pula tidak lagi dapat melahirkan anak.

Sudilah kiranya pihak Pehin dapat menerangkan kedudukan perkara ini dari segi hukumnya, adakah perbuatan ini berdosa terhadap binatang peliharaan tersebut.

Jawapan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ وَاوَلَاهُ ، وَبَعْدُ

Agama Islam adalah agama yang sempurna dan agama yang membawa rahmat kepada sekalian alam. Dasar rahmat itu ialah firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

(سورة الأنبياء : ١٠٧)

Tafsirnya: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

(Surah al-Anbiyâ': 107)

Berkata al-'Allâmah Shihabuddin Mahmud al-Alusi al-Baghdadi: "Dan dikatakan maksud الْعَالَمِينَ ialah semua makhluk (kejadian), maka sesungguhnya alam ini tidak dapat menandingi Allah Ta'ala dan kebesaran sifat-sifatNya. Dan semua (keseluruhannya) makhluk-makhluk yang berakal itu diberikan keistimewaan daripada makhluk-makhluk yang lain." (Kitab Ruh al-Ma'âni fî Tafsîr al-Qur'ân wa as-Sab'u al-Matsâni 17/105)

Manusia dan makhluk-makhluk yang lain seperti binatang juga akan mendapat rahmat dengan sebab diutus Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Maka makhluk-makhluk lain (binatang) akan dihimpunkan dan dibangkitkan di Hari Kiamat nanti untuk dihisab dan menerima balasan. Hal ini telah dijelaskan di dalam al-Qur'an, Allah Ta'ala berfirman:

وَمَا مِن دَابَّةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا طَيْرٍ يَطِيرُ
بِجَنَاحَيْهِ إِلَّا أُمٌّ أَمْثَالِكُمْ مَا قَرَرْنَا فِي
الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ
يُحْشَرُونَ

(سورة الأنعام : ٣٨)

Tafsirnya: "Dan tidak seekorpun binatang yang melata di bumi, dan tidak seekorpun burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan mereka umat-umat seperti kamu. Tidak Kami tinggalkan sesuatupun di dalam kitab al-Qur'an ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan)."

(Surah al-An'âm: 38)

Imam Fakhiruddin ar-Razi menyatakan di dalam kitabnya bahawa munasabah

ayat ini dan ayat sebelumnya diturunkan adalah bagi menyampaikan akan kelebihan, perlindungan, rahmat dan ihsan Allah Ta'ala kepada semua makhlukNya (manusia, jin, malaikat, binatang sama ada binatang melata, burung-burung, binatang di laut dan lain-lain). (Kitab at-Tafsîr al-Kabîr 12/174)

Berkata Imam Ibnu Hajar al-Haitami: "Dan membunuh itu bukanlah sebagai syarat bahkan memadamkan penyiksaan yang bersangatan seperti memukul dengan pukulan yang menyakiti, kemudian saya melihat di antara mereka terang-terangan menyiksa binatang tanpa keperluan (tiada sebab) dan mengebiri hamba dan menyeksanya dengan kezaliman adalah dosa besar dan diqiyâskan hamba itu juga kepada yang selainnya. Binatang-binatang yang harus dikebiri sewaktu kecil itu adalah bertujuan supaya binatang tersebut akan gemuk dan bagi keenakan dagingnya. Dan sesungguhnya pemilik yang berlaku zalim kepada hamba dan binatang adalah perbuatan dosa besar." (Kitab az-Zawâjir 2/140)

Kata beliau lagi: "Dan daripada kezaliman yang besar terhadap jiran, hamba atau binatang ialah tidak memberikan makanan kepada mereka, sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu

'alaihi wasallam:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يَحْسِبَ عَمَّنْ
يَمْلِكُ قُوَّتَهُ

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Memadai seseorang itu berdosa jika dia menahan (makanan, upah dan sebagainya) orang-orang yang di bawah tanggungannya."

(Hadis riwayat Muslim)

Daripada kezaliman terhadap binatang itu termasuk memukul dengan pukulan yang menyakiti, mengurung, tidak memeliharanya dengan sempurna atau menyeksanya dengan seksaan yang melampaui batas. Tersebut di dalam hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, Baginda bersabda:

لَتَوْدُنَّ الْحُقُوقُ إِلَى أَهْلِهَا يَوْمَ
الْقِيَامَةِ ، حَتَّى يُقَادَ لِلشَّاةِ الْجَلَجَاءِ
مِنَ الشَّاةِ الْقَرَنَاءِ

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Di Hari Kiamat nanti, setiap hak akan diberikan kepada ahlinya (orang-orang yang di bawah tanggungannya), hinggakan hak seekor binatang yang tidak bertanduk akan diambil daripada kambing yang bertanduk."

(Hadis riwayat Muslim)

Maka (ayat dan hadis di atas) adalah dalil (berlakunya) qishâsh di antara binatang dengan binatang dan di antara binatang dengan manusia. Seheinggakan jika seseorang itu memukul binatang tanpa hak (sebab), atau binatang itu lapar dan tidak diberikan makanan atau menyiksa mereka berlebih-lebihan, dia akan menerima balasan di Hari Kiamat nanti sebagaimana dia menzalimi binatang itu di dunia." (Kitab az-Zawâjir 2/141)

Beliau juga menyatakan akan larangan berlaku zalim (kasar) terhadap binatang sebagaimana hadis daripada Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma berkata:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنِ التَّحْرِيشِ بَيْنَ
الْبَهَائِمِ

(رواه أبي داود والنسائي)

Maksudnya: "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melarang melagakan di antara binatang-binatang."

(Hadis riwayat Abu Daud dan Tirmidzi)

Hadis Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam juga ada menjelaskan mengenai rahmat dan belas kasihan sebagaimana yang dianjurkan oleh Baginda sendiri, sabdanya:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ
ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ
مَنْ فِي السَّمَاءِ

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Orang-orang yang mempunyai hati yang pengasih itu, akan dirahmati mereka oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang bersifat ar-Rahman, hendaklah kamu mengasihani sesiapa jua di atas muka bumi ini, supaya kamu juga akan dikasihani oleh orang-orang yang berada di atas langit."

(Hadis riwayat Muslim)

Sabda Baginda lagi:

إِنَّهُ مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Sesungguhnya sesiapa yang tiada belas kasihan dan rahmat di hatinya, nescaya tidaklah dia diberi rahmat dan kasihan."

(Hadis riwayat Muslim)

Di dalam hadis yang lain:

مَنْ لَا يَرْحَمُ النَّاسَ لَا يَرْحَمُهُ اللَّهُ

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Barangsiapa tidak ada kasihan ke atas orang lain, maka Allah tidak kasihankan dia."

(Hadis riwayat Muslim)

Berdasarkan kepada dalil-dalil al-Qur'an, hadis dan penjelasan ulama di atas, berlaku zalim terhadap binatang adalah di antara dosa-dosa besar yang sewajibnya dielakkan dan dibanteras. Begitu juga halnya mengebiri binatang adalah termasuk dalam larangan-larangan tersebut kerana perbuatan itu menyakiti dan tiada belas kasihan, kecuali bagi binatang yang halal dimakan sebagaimana perbahasan—ulama mengenyainya.

Berkata asy-Syeikh Sulaiman al-Bujairimi: "Ketahuilah bahawa mengebiri itu adalah diharuskan dengan tiga syarat: Hendaklah binatang itu halal dimakan, hendaklah dilakukan (mengebiri) itu pada masa binatang itu masih kecil dan hendaklah dilakukan (mengebiri) itu pada musim sederhana (tidak terlalu panas dan tidak terlalu sejuk). Jika tidak dilakukan (mengebiri) itu dengan tiga syarat tadi, maka mengebiri binatang itu adalah haram." (Kitab Bujairimi al-Khatib 4/336)

Keharusan pada mengebiri binatang yang halal dimakan itu berdasarkan perbuatan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ketika melakukan korban (Udhhiyyah):

ضَحَّى بِكَبِشَيْنِ مَوْجُوعَيْنِ

(رواه أحمد وأبو داود)

Maksudnya: "Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam telah berkorban (Udhhiyyah) dengan dua ekor kambing kibas yang telah dikebiri."

(Hadis riwayat Ahmad dan Abu Daud)

Dalil larangan (haram) melakukan kebiri pada binatang yang sudah dewasa ialah berdasarkan hadis daripada Ibnu 'Umar, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ عَنْ اخْتِصَاءِ الْخَيْلِ وَالْبَهَائِمِ

(رواه أحمد)

Maksudnya: "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melarang (menegah) daripada mengebiri binatang kuda dan binatang-binatang lain."

(Hadis riwayat Ahmad)

Berkata asy-Syeikh Ibrahim al-Baijuri: "Telah sepakat-ulama Syafi'e melainkan Imam Ibnu Munzir bahawa harus mengebiri binatang yang halal dimakan pada waktu dia masih kecil dengan tujuan mengenakkan dagingnya, pada masa musim sederhana (tidak sangat sejuk atau sangat panas), lain halnya dengan binatang yang tidak halal dimakan maka haram dikebiri dia. (Kitab Hasyiah asy-Syeikh Ibrahim al-Baijuri 2/447)

(Bersambung ke muka 8)

Jabatan Perdana Menteri Adakan Majlis Bertahlil

Oleh Haji Yakob bin Haji Metali

Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit. Majlis berlangsung pada hari Sabtu 4 Ramadhan, 1423 bersamaan 9 November, 2002.

Majlis disertai oleh Yang Amat Mulia



Majlis bertahlil anjuran Jabatan Perdana Menteri disertai oleh ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan dibawahnya.

Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu

Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bacaan tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman. Doa pula dibacakan oleh Yang Dimuliakan Lagi

Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Lawatan Muhibbah

Oleh Haji Yakob bin Haji Metali



Seramai lebih 40 orang peserta Kursus/Bengkel Menghalusi Kefahaman Ajaran Agama Islam bagi pentadbir, guru-guru besar sekolah rendah dan pengetua sekolah menengah, Kementerian Pendidikan, Kumpulan B tahun 2002 telah mengadakan lawatan muhibbah ke Darulifta Brunei Darussalam pada 28 Sya'ban, 1423 bersamaan 4 November, 2002.

Para pelawat telah diperkenalkan tentang Institusi Mufti Kerajaan menerusi taklimat yang disampaikan oleh Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan & Penerangan. Sementara Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Pegawai Istisbat Kanan telah memberikan taklimat mengenai dengan proses pengeluaran fatwa.

(Dari muka 7)

Tersebut di dalam kitab al-Iqna', telah sepakat ulama Syafi'e melainkan Imam Ibnu Munzir bahawa harus mengebiri binatang yang halal dimakan pada waktu dia masih kecil dan haram mengebirinya ketika binatang itu sudah besar, dan haram mengebiri binatang yang tidak halal dimakan sebagaimana telah disebutkan di dalam Syarah al-Minhaj dan lain-lain. (Kitab Al-Iqna' 2/280)

Berdasarkan hadis dan penjelasan ulama mengenai mengebiri binatang yang halal

dimakan pada masa kecilnya, adalah diharuskan dengan tujuan supaya binatang itu gemuk dan banyak daging serta enak rasanya. Manakala mengebiri binatang yang telah tua atau binatang yang tidak halal dimakan adalah perbuatan tiada rahmat, semata-mata menyakiti binatang dan perbuatan sia-sia, maka perbuatan sedemikian adalah dilarang oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam sebagaimana hadis yang terdahulu.

Adapun mengebiri kucing bagi menegah

kucing jantan tidak lagi mencari kucing betina dan kucing betina tidak dapat melahirkan anak samalah hukumnya dengan mengebiri binatang yang tidak halal dimakan atau binatang halal dimakan ketika ia telah tua, tidak mendatangkan suatu faedah dan maslahat hanya menyakiti kucing itu. ■

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Dipetik daripada buku Fatwa Mufti Kerajaan tahun 1996

Menteri Besar dan Mufti Terengganu Melawat Darulifta Brunei Darussalam

Oleh Haji Yakob bin Haji Metali



Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Menteri Besar Terengganu dan Sahibus Samahah Mufti Terengganu, Yang Berbahagia as-Syeikh Tuan Haji Abdul Halim bin Abdul Kadir dan rombongan ketika mengadakan kunjungan muhibbah kepada Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan (kiri) dan Mufti Terengganu, ketika menerima cenderamata daripada Mufti Kerajaan (kanan).

Satu rombongan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Menteri Besar Terengganu yang disertai oleh Sahibus Samahah Mufti Terengganu, Yang Berbahagia as-Syeikh Tuan Haji Abdul Halim bin Abdul Kadir dan beberapa orang Ahli Exco Kerajaan Negeri serta Pengarah telah mengadakan lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanali Bolkiah di Darulifta Brunei Darussalam, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan pada hari Selasa, 8 Sya'ban, 1423 bersamaan 15 Oktober, 2002.

Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dan rombongan telah dialu-alukan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Timbalan Mufti Kerajaan, Pengarah Pentadbiran dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

Semasa lawatan, rombongan berkenaan telah berpeluang melihat dengan lebih dekat lagi koleksi

bahan-bahan pameran yang terdiri daripada mushaf, tasbeih, tongkat, manuskrip kitab-kitab lama dan manuskrip Asia Tenggara yang dipamerkan di balai pameran tersebut dalam berbagai bahasa. Di antara bahan koleksi menarik yang dipamerkan, ialah sebuah Mushaf yang berusia lebih 1,000 tahun.

Selain mengadakan lawatan ke Balai Pameran, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Sahibus Samahah Mufti Terengganu dan rombongan juga sempat mengadakan perjumpaan dan bertukar-tukar fikiran dengan Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Mufti Kerajaan mengenai dengan

hal ehwal ilmu Islam.

Sementara itu pada hari Khamis 23 Sya'ban, 1423 bersamaan 31 Oktober, 2002 pula seramai 5 orang Ahli Majlis Ulama Indonesia, Kota Balik Papan juga telah melawat Darulifta Brunei Darussalam.

Semasa lawatan, rombongan telah mengadakan kunjungan muhibbah kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja, Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan. Mereka juga berkesempatan melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanali Bolkiah.



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan ketika menerima kunjungan Ahli Majlis Ulama Indonesia, Kota Balik Papan.

JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN PERDANA MENTERI MENTAKMIR MASJID



Majlis Tadarus di Masjid Kampong Pintu Malim (atas) dan di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop (bawah).



Majlis Khatam al-Qu'ran bertempat di Jama



Jabatan Perdana Menteri dan jabatan di bawahnya sekali lagi pada tahun ini memeriahkan bulan Ramadhan dengan melaksanakan projek mentakmir masjid yang diisikan dengan Majlis Bertadarus al-Qur'an, bertahlil, doa selamat seterusnya menyungkaikan jemaah yang hadir.

Di samping mengharap pahala bertadarus al-Qur'an dan beramal di bulan Ramadhan dengan menyungkaikan dan beriktikaf di masjid, ianya juga bertujuan untuk menjadi kegiatan misali kepada pihak am dan khas, menjalinkan silaturrahim dengan jemaah masjid dan mewujudkan konsep pemimpin ke masjid.



Projek tahunan ini yang diadakan sejak tahun 1997 diselaraskan oleh Jabatan Mufti Kerajaan dan beberapa jabatan lain. Pada tahun ini ianya diselaraskan bersama oleh Jabatan Percetakan Kerajaan dan Polis Diraja Brunei.

Sebanyak 21 buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah dibahagikan kepada tujuh buah masjid yang dipilih untuk majlis tersebut. Masjid-Masjid tersebut ialah Masjid Kampong Pintu Malim, Masjid Kampong Masin, Masjid Kampong Tamoi, Masjid Rancangan Perumahan Negara

Majlis Tadarus di Masjid Kampong Tamoi



PERI & ATAN-JABATAN DI BAWAHNYA I BULAN RAMADHAN

Oleh Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar



Asr Hassanil Bolkiah.



Majlis Tadarus di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampong Jangsak (atas) dan di Masjid Kampong Masin (bawah).

Kampong Mentiri, Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kampong Jangsak dan Masjid Mohamed Bolkiah Kampong Serusop.

Majlis tadarus bermula pada 6 hingga 12 Ramadhan, 1423 bersamaan dengan 12 hingga 18 November, 2002. Ia diadakan secara bersambung di mana setiap majlis tadarus dipenuhi dengan lima juz bagi setiap masjid.

Majlis khatam al-Qur'an bagi tadarus tersebut diadakan di Jame' Asr Hassanil Bolkiah pada 13 Ramadhan, 1423 bersamaan dengan 19 November, 2002 bermula jam 5.00 petang. Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah al-Fâtihah yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan diikuti dengan bacaan surah-surah lazim secara beramai-ramai. Bacaan *takhtim* diketuai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan sementara bacaan tahlil dan doa diketuai oleh pegawai-pegawai masjid.



Majlis Tadarus di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri



Tobacco & Smoking

from an Islamic Perspective

Edited by Siti Alawiyah binti Haji Mohd Zainal
From the working papers of The Seminar On Tobacco-or-Health [ISTob]

(Part One)

The concept of Halal and Haram in Islam

Islam has given transparent guidance with regard to *halâl* (lawful) and *harâm* (unlawful) based on the teachings of the Qur'an and hadith. It was not the Prophet Sallallahu 'alaihi wasallam nor any other human being who decided what is *halâl* or *harâm* based on their personal judgement. What is *halâl* is declared through the Quranic injunctions, and Muslims are required to undoubtedly accept it. Likewise, nobody has the authority to declare any food, drink, dress and etc as *harâm*.

Allah Subhanahu wa Ta'ala says in the Qur'an:

قُلْ مَنْ حَرَّمَ زِينَةَ اللَّهِ الَّتِي أَخْرَجَ لِعِبَادِهِ وَالطَّيِّبَاتِ مِنَ الرِّزْقِ قُلْ هِيَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا خَالِصَةٌ يَوْمَ الْقِيَمَةِ كَذَلِكَ نَفْصِلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣٢﴾

(سورة الأعراف: ٣٢)

Translation: "Say (O Muhammad): Who has forbidden the adornment with clothes given by Allah, which He has produced for His slaves, and at-Tayyibât [all kinds of *halâl* things] of food?" Say: "They are, in the life of this world, for those who believe, (and) exclusively for them (believers) on the Day of Resurrection (the unbelievers will not share them)." Thus We explain the Âyât (Islamic laws) in detail for people who have knowledge."

(Surah al-A'râf: 32)

The basic principle in the matter of all restrictive ordinances is that which is unprohibited is deemed to be *halâl*. A

well-known juridical dictum states:

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ

Meaning: "Lawfulness is a recognised principle in all things."

In other words, everything is presumed to be lawful, unless it is definitely prohibited by law. Therefore the sources of ruling for food must come from the Qur'an, *hadith* (Prophetic traditions), *ijmâ'* (consensus of Muslim scholars) *qiyâs* (analogy) or other recognised sources in Islam. Food cannot be made lawful merely through reasoning or according to the desires of man. Thus, making *halal* food non-*halâl* or vice-versa is prohibited and considered as an evil deed as Allah says:

وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾

(سورة النحل: ١١٦)

Translation: "And say not concerning that which your tongues put forth falsely: 'This is lawful and this is forbidden', so as to invent lies against Allah. Verily, those who invent lies against Allah will never prosper."

(Surah an-Nahl: 116)

There are things which are doubtful in nature between the categories of clearly lawful and unlawful. As a matter of *taqwâ*, a Muslim should try to keep away from them as the Prophet has mentioned in his Tradition which means:

"The lawful is made clear and the unlawful is also made clear, and in between lie the acts which are doubtful

about which most people do not know whether it is lawful or unlawful. One who keeps away from it in order to safeguard his religion and honour, he will remain in peace. But if one is involved in doubtful things, it is too remote to fall a victim to unlawful things. Like a shepherd who grazes his herds in forbidden ground, it is possible to enter into it. Remember every king has a forbidden grazing ground, and be aware that Allah's forbidden grazing ground means the unlawful things."

The Concept of At-Thayyibât (good and lawful) and Al-Khabâ'ith (vile and unlawful)

The human body needs and requires food and drinks. Islam has made all food permissible to man as long as they are *halâl*, pure and good for consumption and man is urged to avoid taking unlawful and vile (*al-khabâ'ith*) food. In Islam, a Muslim is not left without any guidance. The values and norms for all moral actions, including eating and drinking, are laid down by the Qur'an as Allah says:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٣١﴾

(سورة البقرة: ١٣١)

Translation: "O you who believe (in the Oneness of Allah – Islamic Monotheism)! Eat of the lawful things that We have provided you with, and be grateful to Allah, if it is indeed He Whom you worship."

(Surah al-Baqarah: 172)

وَنُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَنُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ

(سورة الأعراف: ١٥٧)

(Continued on page 18)

Bagaimana Untuk Disayangi Suami?

Oleh Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah

Jika kita perhatikan apa yang berlaku pada hari ini kita akan dapati ada pasangan suami isteri hanya menikmati kemesraan di awal perkahwinan sahaja. Selepas itu, keadaan bertukar menjadi sebaliknya, dengan alasan sibuk melayani anak-anak, merasakan usia yang telah meningkat tua dan berbagai-bagai lagi alasan.

Malah terdapat juga yang merasa tawar hati terhadap pasangan masing-masing hanya disebabkan perkara-perkara remeh, sehingga akhirnya menimbulkan perceraian.

Soalnya kenapa ini boleh berlaku? Apa dan di mana salah dan silapnya? Inilah persoalan yang mesti dijawab oleh semua wanita yang bergelar isteri hari ini.

Seorang lelaki sanggup berkorban membelanjakan berpuluh-puluh ribu ringgit semata-mata untuk mendapatkan seorang isteri. Di samping untuk memenuhi tuntutan agama ianya juga diharapkan boleh memberi ketenangan jiwa yang akan diperolehi daripada seorang yang bernama isteri.

Seorang suami akan merasa hampa dengan kehidupan rumahtangganya sekalipun mempunyai wang yang banyak, rumah mewah dan serba serbinya lengkap, jika dia ketandusan sesuatu yang amat berharga iaitu kasih sayang daripada seorang isteri.

Jadi untuk mengetahui sejauh mana seorang isteri memenuhi dan menunaikan tanggungjawabnya terhadap suami, sila jawab dulu soalan-soalan berikut:-

1. Ketika suami berada di rumah, adakah awda melayani keperluan dan kemahuannya serta memberi sepenuh perhatian terhadapnya?

2. Ketika suami pulang ke rumah, adakah awda menantinya dan menyiapkan untuknya apa sahaja yang diperlukan?

3. Sudahkah awda menjaga dengan teratur dan kemas rumahtangga hingga tiada satu sudut pun di dalamnya yang boleh mencacatkan hati suami bila memandangnya?

4. Adakah sikap, percakapan, kasih sayang dan gerak-geri awda menampakkan pada suami bahawa awda benar-benar ikhlas, merela dan menyerahkan sepenuh ketaatan dan kesetiaan kepadanya?

Jika awda gagal untuk mengiakan semua pertanyaan di atas, bermakna awda seorang isteri yang sedang atau telah gagal. Tidak seorang pun suami di dunia ini yang merasa bahagia jika isteri tidak melayani kehendaknya. Begitu juga tidak ada seorang suami yang suka jika isterinya tiada di rumah ketika dia keletihan pulang dari kerja, dengan keadaan rumah yang tidak teratur dan anak-anak yang terbiar.

Seorang suami pasti tidak akan merasa bahagia jika isterinya bersikap acuh tidak acuh terhadapnya, apatah lagi jika sampai tidak melayani atau mentaati kehendaknya. Perbuatan seumpama itu menyebabkan suami merasa tersinggung dan merasa sakit hati apatah lagi jika isteri seorang yang berkedudukan tinggi. Inilah di antara gejala-gejala yang menyebabkan hilangnya perasaan kasih sayang di antara pasangan suami isteri, yang berpunca daripada tidak menghormati hak suami dengan sebaiknya.

Dalam keadaan ini isteri wajib memuliakan martabat suami, menghormati dan memandang tinggi terhadapnya, walau apa sekali pun kedudukannya. Sebagai seorang isteri

sewajarnya merasakan betapa dia sendiri "memerlukan" kasih sayang daripada seorang suami.

Isteri juga perlu membuat berbagai pengorbanan. Umpamanya memasak sendiri di rumah, dengan masakan yang boleh memuaskan hati suami, menjaga dan mendidik anak-anak dengan sebaik-baiknya, menjaga kesihatan dan kebersihan diri supaya sentiasa disayangi suami dan membina akhlak yang mulia semoga dengan-nyalah suami akan sentiasa terhibur dan jauh daripada perasaan marah, tawar hati atau jemu.

Pendek kata, isteri mempunyai peranan yang cukup besar dalam membina rumahtangga bahagia. Isteri yang bijak, berilmu dan tahu cara-cara membentuk kebahagiaan *insya* Allah pasti akan berjaya.

Perlu sangat diinsafi bahawa kasih sayang dan ketenangan hati suami isteri adalah anugerah Allah. Sebab soal kasih sayang dan ketenangan adalah soal hati.

Jadi, untuk melahirkan atau mewujudkan perasaan kasih sayang dan ketenangan dalam sesebuah rumahtangga, faktor-faktor hubungan dengan Allah wajib diambil kira. Yakni dengan beriman, beramal dengan syariat Islam serta membanyakkan ingatan (zikir) kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Suami isteri yang kurang menitikberatkan soal-soal keagamaan atau dengan kata lain membelakangkan hukum Allah *Subhanahu wata'ala* adalah pasangan yang sukar untuk memperolehi ketenangan dan kasih sayang kerana mereka jauh daripada rahmat Allah.

Sama-samalah kita berusaha untuk sentiasa saling sayang menyayangi semata-mata untuk mengekalkan kebahagiaan di dalam institusi keluarga yang dibina.

Binatang Ganjil Dorong Pemuda Nasrani Memeluk Islam

Dipetik dan disusun oleh Abu Qasim Ismail

“**S**aat saya sedang belayar menumpang sebuah kapal, tiba-tiba di tengah lautan yang luas datang angin ribut yang sangat kencang dengan gelombang tinggi menggunung memukul kapal itu sehingga tenggelam. Semua penumpang kapal tersebut turut tenggelam bersama harta benda dan barang dagangan yang dibawa, kecuali saya seorang sahaja yang dapat menyelamatkan diri dengan berpegang kepada sekeping papan serpihan daripada kapal itu.

Saya terdampar di tepi pantai sebuah pulau di tengah-tengah lautan setelah mengharungi ombak badai beberapa hari. Saya gagahi diri berjalan mencari-cari kalau ada orang yang tinggal di pulau itu. Namun ternyata pulau itu sepi sekali, tidak berpenghuni, walaupun tanahnya sangat subur, penuh dengan tumbuh-tumbuhan serta buah-buahan.

Apabila malam saya merasa takut kalau-kalau ada binatang buas yang berkeliaran mungkin akan mengganggu saya. Akhirnya saya mengambil keputusan memanjat sebatang pokok yang sangat tinggi dan mengikatkan diri di sebuah cabang yang kuat sehingga saya tidur di situ.”

Cerita Pemuda itu lagi: “Di tengah malam, saya terkejut daripada tidur apabila mendengar suara tasbih dari arah lautan. Saya melihat ke kiri dan ke kanan mencari suara itu. Alangkah terkejutnya saya apabila mendapati suara itu datangnya daripada seekor binatang ganjil yang kelihatan di bawah sinaran bulan. Binatang itu dengan jelas mengucap:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَزِيزُ الْغَفَّارُ،

Ketika Imam asy-Syafi'e Radhiallahu anhu berada di Masjidil Haram, beliau terlihat seorang pemuda yang bernama Usquf yang dulunya beragama Nasrani sedang tawaf di Ka'abah.

Imam asy-Syafie menghampirinya dan ingin tahu mengapa dia meninggalkan agama yang dianutinya daripada nenek moyangnya itu.

Pemuda itupun menceritakan peristiwa aneh yang dilaluinya sehingga menyebabkan dia memeluk Islam.

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ النَّبِيُّ الْمُخْتَارُ،
أَبُو بَكْرٍ صَاحِبُهُ فِي الْغَارِ، عُمَرُ
مِفْتَاحُ الْأَمْصَارِ، عُثْمَانُ قَتِيلٌ فِي
الدَّارِ، عَلِيٌّ سَيْفُ اللَّهِ عَلَى الْكُفَّارِ،
وَعَلَى مُبْغِضِهِمُ النَّارُ.

Ertinya: “Tiada tuhan selain Allah Yang Maha Mulia dan Maha Pengampun. Muhammad itu adalah Pesuruh Allah dan menjadi Nabi yang terpilih. Abu Bakar itu temannya di gua. Umar adalah kunci penaklukan negeri dan kota. Usman pula orang yang terbunuh di dalam rumahnya. Ali adalah pedang Allah untuk menumpas kaum kafir, maka siapa yang membenci mereka nerakalah tempatnya.”

Kalimat-kalimat yang di atas itu diulanginya beratus kali hingga tidak terkira, sehinggalah masuk waktu fajar. Tatkala binatang itu bergerak meninggalkan permukaan laut menuju ke darat diucapkannya tasbih yang lain pula:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْمُحَيِّدُ، مُحَمَّدٌ
رَسُولُ اللَّهِ الْهَادِي الرَّشِيدُ، أَبُو بَكْرٍ
الصَّدِّيقُ الصَّادِقُ الشَّدِيدُ، عُمَرُ بْنُ

الْخَطَّابِ سَوْزٌ مِنْ حَدِيدٍ، عُثْمَانُ
بْنُ عَفَّانٍ الْقَتِيلُ الشَّهِيدُ، عَلِيُّ بْنُ
أَبِي طَالِبٍ ذُو الْبَأْسِ الشَّدِيدِ،
فَعَلَى مُبْغِضِهِمْ لَعْنَةُ الرَّبِّ الْمَجِيدِ.

Ertinya: “Tiada tuhan selain Allah Yang Maha Memiliki Lagi Maha Mulia. Muhammad itu adalah utusanNya yang membawa petunjuk yang benar. Abu Bakar adalah sahabatnya yang menyandang pangkat kebenaran. Umar adalah benteng dan besi yang kukuh. Usman adalah sahabatnya yang terbunuh dan yang menjadi syahid. Ali bin Abu Thalib adalah pemilik kekuatan yang keras, bagi pembenci mereka adalah laknat Allah, Tuhan Yang Maha Mulia.”

“Selama saya hidup inilah pertama kali kata-kata ini saya dengar. Saya sangat terpegun dengan zikir dan tasbih yang diucapkan oleh makhluk itu sehingga membuat saya berfikir sejenak agama yang saya anuti selama ini.”

Bila binatang itu naik ke darat ternyata ia memiliki mulut seperti burung Na'amah (bangau berkepala panjang), tetapi kepalanya manusia, berkaki binatang dan berekor ikan.

"Melihat sifatnya yang sungguh pelik itu, saya ketakutan dan gementarlah seluruh tubuh saya. Rupa-rupanya binatang ini tahu saya sedang memerhatikannya lalu dia melihat kepada saya, lalu dia menyuruh saya turun."

"Turun!" Kata makhluk itu dengan suara yang agak kasar.

"Rupanya dia boleh berkata-kata seperti manusia." Bentak hati saya. Saya takut dan enggan turun.

"Turun! Jangan takut!" Perintahnya sekali lagi. Kali ini suara itu agak perlahan.

Saya pun turun dengan hati yang penuh takut dan bimbang. Badan saya gementar, lalu dia bertanya kepada saya:

"Wahai manusia! Apakah agamamu?"

"Nasrani," jawab saya yang masih dalam ketakutan.

"Sebenarnya agama itu sudah ditolak dan tidak berguna lagi," ujarnya.

"Kembalilah engkau kepada agama yang benar!" Dia menasihati.

"Agama yang benar itu apa?" Tanya saya memberanikan diri.

"Agama Islam," jawabnya.

Dia kemudian menoleh kepada saya lagi, seraya berkata:

"Tahukah engkau di mana engkau berada sekarang?"

"Tidak," jawab saya ringkas.

"Kau berada di negeri jin mukmin, tiada yang selamat daripada gangguan mereka, kecuali orang-orang Islam saja," dia memberitahu.

"Mendengar kata-kata makhluk itu, saya menjadi ketakutan yang amat sangat kerana saya bukan orang Islam. Mungkin dia akan mengapa-apakan diri saya. Oleh sebab sebelum ini pun saya sudah tertarik dengan kata-kata makhluk itu, maka saya tidak ragu-ragu lagi ingin memeluk agama Islam."

"Kalau begitu saya mahu memeluk agama Islam, tapi bagaimana caranya?" Tanya saya kepadanya.

Kata makhluk itu: "Ucaplah

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ، مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

Ertinya: "*Saya bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah, dan sesungguhnya Muhammad itu adalah utusan Allah*"

Makhluk itu menasihati saya lagi: "Wahai orang muda, bertakwalah kepada Allah, jagalah aqidahmu baik-baik supaya jangan terpesong. Sempurnakanlah keimananmu dengan mengakui sahabat Nabi yang empat iaitu: Abu Bakar, Umar, Usman dan Ali *Radhiallahu anhum*."

"Terima kasih," kata saya kepada makhluk itu.

"Adakah engkau ingin tinggal di sini atau pulang saja ke negerimu?" Tanya lembaga itu pula.

"Ingin pulang ke negeri saya," jawab saya gembira.

"Baiklah, sebentar lagi ada kapal yang akan lalu di sini, tunggulah," kata makhluk itu.

Saya menjadi hairan bagaimana lembaga itu tahu, ada kapal yang akan lalu di situ.

Setelah segalanya selesai, binatang itu pun masuk semula ke dalam laut dengan cepat seperti kilat sehingga

tidak kelihatan lagi. Tinggallah saya keseorangan duduk termangu-mangu sendirian dengan hati yang penuh harapan.

Tidak berapa lama selepas itu nampaklah dari jauh sebuah kapal melalui pulau tempat saya menunggu itu. Setelah melihat lambaian saya, dengan izin Allah kapal itu datang menyelamatkan saya.

Rupa-rupanya di dalam kapal tersebut ada seramai dua belas orang penumpang yang beragama Nasrani. Sebaik saja saya selesai menceritakan kepada mereka peristiwa yang menimpa saya, tiba-tiba mereka juga redha ingin memeluk agama Islam. Maha Suci Allah.

Saya merasa binatang itu telah membawa berkat yang sangat besar kepada diri saya, sebab keislaman saya berlaku dengan perantaraanNya. Segala puji bagi Allah yang telah memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya jua apabila dua belas orang pemuda Nasrani di dalam kapal tersebut memeluk agama Islam dengan perantaraan saya.

Demikianlah cerita bekas orang Nasrani itu kepada Imam asy-Syafi'e mengenai keislamannya.

"Alhamdulillah, engkau telah menyaksikan sendiri akan kebenaran Islam itu, semoga engkau mendapat petunjuk dan keberkatan daripada Allah *Subhanahu wata'ala*," kata Imam asy-Syafi'e kepada Usqif.


"Terima kasih, semoga Allah berkenan mematikan diri saya dengan iman dan takwa serta tetap berpijak pada agamaNya yang mulia ini," jawab Usqif pula.

Dipetik daripada kitab Mukhtashar Raudhur-Raiyahin karangan al'Allamah al-Yafi'iy

Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah Terus Dilawati

Oleh Haji Yakob bin Haji Metali

Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah kini menjadi tumpuan untuk dikunjungi. Antara yang menarik untuk dilihat ialah koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Mushaf, Tasbih dan Tongkat.



Yang Amat Berhormat Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, Menteri Besar Terengganu dan rombongan ketika melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 8 Sya'ban 1423 bersamaan 15 Oktober 2002 (atas).



Peserta Kursus/Bengkel Menghalusi Kefahaman Ajaran Agama Islam bagi pentabir guru-guru besar sekolah rendah dan pengetua sekolah menengah, Kementerian Pendidikan tahun 2002 sedang mendengar taklimat sebelum melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 28 Sya'ban 1423 bersamaan 4 November 2002 (kiri).



Guru-guru dan murid-murid dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayatul Bolkiah, Kampong Serusop ketika melawat Balai Pameran tersebut dalam dua kumpulan iaitu pada hari Selasa 22 Sya'ban, 1423 bersamaan 29 Oktober, 2002 dan hari Sabtu 26 Sya'ban, 1423 bersamaan 02 November, 2002

AMALAN

Ketika di Jalan Raya

Diolah semula oleh : Haji Yakob bn Haji Metali

Islam adalah agama yang menganjurkan umatnya agar sentiasa menjaga dan menjamin keselamatan diri dan nyawa, harta dan agama, demikian juga dalam perkara-perkara yang lain. Islam menyuruh umatnya supaya berikhtiar sedaya upaya menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan.

Antara tragedi yang mendatangkan kebinasaan dan kemusnahan harta serta jiwa itu ialah kemalangan jalan raya.

Kemalangan jalan raya merupakan salah satu faktor yang banyak membunuh manusia selain penyakit-penyakit yang kronik. Memandangkan bilangannya yang meningkat dari setahun ke setahun, berbagai usaha telah dibuat oleh pihak berkuasa bagi menyelamatkan nyawa manusia daripada sebarang kemalangan. Antaranya, mengadakan sekatan jalan raya dan pemeriksaan kenderaan bagi memastikan tiada berlaku sebarang pengubahsuaian yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang, mengingatkan para pemandu agar sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya termasuk melalui kempen-kempen dan iklan-iklan, menasihati supaya sentiasa mencari langkah dan memastikan keselamatan seperti memakai tali pinggang keledar, memeriksa kenderaan sebelum menggunakannya dan lain-lain lagi supaya pengguna jalan raya benar-benar selamat.

Selain itu, ada juga kita dapati papan-papan tanda yang bertulis kalimah "Allahu Akbar" dan "Subhanallah" terutama di jalan dan kawasan yang dikenalpasti sering terjadi kemalangan yang mengakibatkan kematian dan cedera parah. Papan tanda ini dibuat dengan tujuan mengingatkan pemandu-pemandu supaya sentiasa mengingati Allah dan memohon perlindunganNya serta berwaspada ketika memandu.

Menurut maklumat yang diterima daripada pihak-pihak yang berkenaan, usaha seperti ini telah memberi kesan yang positif ke arah mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Ini bermakna pemasangan kalimah-kalimah suci tersebut merupakan satu usaha yang berkebajikan. Bahkan daripada natijah yang baik itu, pemasangan papan-papan tanda seperti itu perlu diperluaskan lagi untuk mengingatkan pemandu agar sentiasa berzikir (mengingati Allah) serta berwaspada ketika memandu.

Menurut Islam sememangnya kalimah-kalimah suci seperti yang dinyatakan di atas mempunyai fadhilat dan berkat dengan membacanya. Selain berperanan mengingatkan pemandu, ia juga merupakan doa dan zikir kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Orang-orang yang membacanya akan beruntung kerana jiwa menjadi tenteram dan sentiasa mendapat ganjaran dan keampunan daripada Allah *Subhanahu wata'ala*. Berzikir dalam semua keadaan dan tempat itu adalah perkara yang sangat digalakkan oleh Islam, firman Allah:

فَاذْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَقَعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ

(سورة النساء : ١٠٣)

Tafsirnya: "Maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri dan duduk dan semasa kamu berbaring."

(Surah an-Nisâ': 103)

Kalimah-kalimah suci yang dibuat di papan tanda tersebut tidaklah menjadi kesalahan dan harus dibuat sedemikian untuk mengambil berkat daripadanya. Keharusan ini boleh dikaitkan dengan amalan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* ketika Baginda dilantik sebagai Rasul, di mana Baginda memperkenalkan Islam kepada orang-orang Arab atau

bukan Arab serta mengajak mereka menganutnya, dengan cara mengirim surat kepada raja-raja. Surat-surat tersebut mengandungi kalimah-kalimah dan ayat al-Qur'an seperti kalimah *Basmalah* dan ayat 64, surah Ali 'Imran.

Keharusan ini juga mestilah mengambil kira tentang kehormatan kalimah-kalimah suci itu daripada tercemar atau apa juga perkara yang boleh menjejaskan kehormatannya, seperti ia terdedah kepada najis-najis burung atau terbiar dengan dipenuhi debu-debu. Kalimah-kalimah suci tersebut hendaknya tidak dipasang pada kayu atau tiang yang tidak kukuh sehingga mudah tumbang, jatuh dan sebagainya. Kalimah-kalimah suci itu juga memerlukan pengawasan dan pemeliharaan supaya tidak tercemar.

Bagi mendapatkan fadhilat dan berkat dan mengelakkan lidah daripada sebarang kesilapan sebutan atau bacaan, kalimah-kalimah suci itu hendaklah ditulis dengan jelas beserta dengan baris-barisnya sekali.

Selain daripada langkah-langkah fizikal yang dibuat bagi mengelakkan terjadinya kemalangan jalan raya itu, Islam lebih menggantungkan keselamatan diri dan semua perkara kepada kehendak dan qudrat Allah *Subhanahu wata'ala* melalui doa-doa dan zikir-zikir.

Kita perlu memohon perlindungan Allah *Subhanahu wata'ala* daripada sebarang bahaya dan kejahatan sama ada daripada manusia, jin dan syaitan pada setiap keadaan. Antara amalan-amalan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dalam perkara ini ialah membaca:

- Surah al-Fâtihah
- Surah al-Ikhlâsh (3 kali)
- Surah al-Falaq (3 kali)
- Surah an-Nâs (3 kali)
- Surah Ghâfir, ayat 1 hingga 3
- Surah al-Mu'minûn, ayat 97 hingga 98

Sebelum keluar rumah hendaklah dibiasakan membaca:

- Surah al-Fâtihah
- Ayat al-Kursi
- Surah al-Quraisy
- Doa ketika keluar rumah:

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ وَلَا
حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ ، اللَّهُمَّ إِنِّي
أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ أَوْ أَضَلَّ أَوْ أَزِلَّ أَوْ أُزَلَ
أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أُظْلِمَ أَوْ أَجْهَلَ أَوْ يُجْهَلَ عَلَيَّ

Maksudnya: "Dengan nama Allah aku bertawakkal kepadaNya dan tidak ada daya upaya dan kekuatan melainkan (daya upaya dan kekuatan) Allah, aku berlindung denganMu daripada perbuatan sesat atau disesatkan, atau daripada binasa atau dibinasakan, atau daripada zalim atau dizalimi atau daripada jahil (bodoh) atau diperbodohkan."

Ketika menaiki kenderaan hendaklah dibiasakan membaca doa berikut iaitu:

سُبْحَنَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا
لَهُ مُقْرِنِينَ ﴿١﴾ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا

(Dari muka 12)

Translation: "He allows them as lawful at-Thayyibât (i.e. all good and lawful as regards things, deeds, beliefs, persons and foods) and prohibits them as unlawful al-Khabâ'ith (i.e. all evil and unlawful as regards things, deeds, beliefs, persons and foods)."

(Surah al-A'râf: 157)

At-Thayyibât in this verse means that which is desirable and perceived by people as good and al-khabâ'ith is the opposite.

It is clear in the principles of Islam that the religion permits everything that is good in food and drinks, in attire, etc. and it prohibits everything that is bad and that harms the self, life and wealth. In this respect, Islam normally determines if something is *halâl* or *harâm* by looking at whether it is advantageous and at the extent to which it is beneficial or harmful. In this case, what is the position of cigarettes and smoking in Islamic law?

لَمُنْقَلِبُونَ ﴿١٣﴾

(سورة الزحرف : ١٣-١٤)

Tafsirnya: "Maha Suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami, sedang kami sebelum itu tidak menguasainya. Dan sesungguhnya kepada Allah kami akan kembali."

(Surah az-Zukhruf: 13-14)

Jika di dalam perjalanan berlaku hujan, guruh, angin dan kilat, maka Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam menganjurkan kita supaya membaca:

- a. Ketika hujan turun:

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ صَيًّا هَنِيئًا

Maksudnya: "Ya, Allah jadikanlah ia (hujan) sebagai hujan yang menyenangkan."

- b. Ketika mendengar guruh dan petir, membaca:

اللَّهُمَّ لَا تَقْتُلْنَا بِغَضَبِكَ وَلَا تُهْلِكْنَا
بِعَذَابِكَ وَعَافِنَا قَبْلَ ذَلِكَ

Maksudnya: "Ya Allah janganlah Engkau matikan kami dengan kemurkaanMu dan janganlah Engkau binasakan kami dengan

azabMu dan ampunkanlah kami sebelum itu."

- c. Semasa angin bertiup kencang, membaca:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَهَا وَخَيْرَ مَا
فِيهَا وَخَيْرَ مَا أُرْسِلَتْ بِهِ وَأَعُوذُ بِكَ
مِنْ شَرِّهَا وَشَرِّ مَا فِيهَا وَشَرِّ مَا
أُرْسِلَتْ بِهِ

Maksudnya: "Ya Allah aku memohon kepadaMu kebaikan (angin ini) dan kebaikan yang ada padanya dan kebaikan yang Engkau utuskan bersertanya, aku memohon perlindunganMu daripada keburukannya dan keburukan yang ada padanya serta keburukan yang Engkau utuskan bersertanya."

Mudah-mudahan dengan membaca ayat-ayat, doa-doa dan mengamalkan zikir-zikir tersebut, kita semua mendapat berkat dan terhindar daripada sebarang malapetaka ketika berada dalam perjalanan.

Dipetik daripada buku *Irsyad Hukum* tahun 2000.

Position of Cigarettes and Smoking in Islam

Cigarettes and smoking are new issues in Islam as they surfaced in the 15th century (1492 C.E.) whereas Islam appeared seven centuries earlier. Cigarettes and the smoking habit only appeared in Muslim countries during the 'Uthmani Kingdom (1299C.E.-1924C.E.). Originally, Muslims were free from cigarettes. But when Muslims accepted smoking, they immediately realised its ill-effects.

There is a disagreement among scholars regarding the ruling on cigarettes simply because no categorical reference may be found in the Qur'an or the Prophetic traditions. In concurrence with *shara'* principles, when, as a result of research involving personal, financial and social interests, the issue of cigarettes and smoking required a ruling, the scholars had to discuss it. This is because Islam had come into existence to safeguard and

protect the above-mentioned interests.

When cigarettes and smoking first appeared, most scientists did not realise its true nature, whether it is harmful and if so, to what extent is it harmful? Also due to this, among Muslim scholars themselves, the focus is only on its external nature (whether it is clean) and on the fact that it causes bad breath and stains the teeth etc. But its hidden menace was not detected at that time.

Today, the problems of cigarettes and smoking are not viewed simply from its external effects but the search goes deep into the core of the matter. After continuous research done by scientists and medical experts, they were in agreement that cigarettes and smoking are harmful to health and even to life itself. These scientific facts have been used by Muslim scholars in ruling over the issue.

To be continued in the next issue.



بنك اسلام بروني برك
THE
ISLAMIC BANK OF BRUNEI BHD.

Produk & Perkhidmatan

KEMUDAHAN SIMPANAN

Akaun Simpanan Al - Wadiah
Akaun Simpanan Al - Mudharabah
Akaun Semasa Al - Wadiah

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN

Pembiayaan Peribadi Al - Bai Bithaman Ajil
Pembiayaan Korporat Al - Bai Bithaman Ajil
Pembiayaan Hartanah Al - Bai Bithaman Ajil
Pembiayaan Pembangunan Al - Bai Bithaman Ajil
Kemudahan Kewangan Perniagaan
Skim Pembiayaan Usahawan Kecil dan Sederhana
Skim Pembiayaan bagi Perumahan Brunei Shell

KEMUDAHAN PELABURAN

Pelaburan Al - Bai Bithaman Ajil
Al - Bai Bithaman Ajil Pelaburan Matawang Asing

PERKHIDMATAN LAIN

Kiriman Wang
Arahan Tetap & Pertukaran Matawang Asing
Kad Alif & Kad An Naim
Peti Simpanan Keselamatan

IBB KREDIT BERHAD

BBA Akaun Pelaburan
BBA Penyimpanan Keemasan
Simpanan Deposit Al - Wadiah
Pembiayaan Al - Ijarah Thumma Al - Bai

IBB SECURITIES SDN BHD

Saham IBB
Saham Luar Negara
Dana IBB Global Ekuiti
Dana IBB ASIA Ekuiti



Bank Islam Awda

IBU PEJABAT:

Bangunan IBB Lot 159, Jalan Pemancha,
P. O. Box 2725, Bandar Seri Begawan BS8675,
Brunei Darussalam.

Tel: 02 235686/87/88/89 Fax: 02 235722
Telex: 2370 IBB BU / 2425 IBB BU

(Dari muka 1)

kufur ingkar, adalah azabKu itu amat keras."

Selain itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyentuh mengenai dengan suasana dunia pada masa ini di mana terlalu ramai orang Islam yang tidak senasib dengan kita. Mereka tidak semewah penduduk di negara ini, atau sebeb kita, malahan ada yang sampai kehilangan tanah air, yang dipaksa keluar meninggalkan tempat tumpah darah mereka sendiri, untuk menjadi pelarian.

"Demikianlah malangnya setengah nasib orang Islam yang memerlukan simpati dan sumbangan, kita tidak-lah boleh menutup mata ataupun menjadi penonton sahaja, dalam ketawa kita juga perlu mengenang saudara-saudara kita yang malang, yang sedang berurai air mata itu," titah baginda.

Atas asas itulah, titah baginda, kita tidak pernah ketinggalan daripada menganjurkan kutipan-kutipan derma kemanusiaan, yang berupa wang, pakaian atau seumpamanya untuk mangsa-mangsa pelbagai bencana, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Seterusnya baginda menyatakan rasa sangat gembira, kerana anjuran-anjuran yang ada belum pernah mengecewakan, bahkan sentiasa mendapat sambutan yang hangat daripada kalangan orang ramai. Itu, titah baginda, adalah satu ajaran agama yang sangat dituntut untuk kita mengamalkannya, ajaran-ajaran itu bersifat sejagat atau universal tanpa sempadan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama adinda dan anakanda baginda ketika menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Menurut Islam, titah baginda, barang siapa yang melapangkan atau melepaskan satu kesusahan dari beberapa kesusahan seorang mukmin di dunia, maka Allah akan melapangkan untuknya satu kesusahan daripada pelbagai kesusahan di akhirat.

Sempena sambutan 'Idul Fitri tahun ini, baginda dan keluarga juga dalam kesempatan tersebut mengucapkan Selamat 'Idul Fitri kepada semua lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam, di mana juga berada, dan berharap semoga Allah *Subhanahu wata'ala* akan sentiasa merahmati serta meredhai kita semua.

Pada keesokan harinya, di sebelah pagi 6 Disember, 2002, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat menyertai rakyat baginda menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Adinda-adinda dan anakanda-anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bokliah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen juga berangkat sama menyertai sembahyang sunat 'Idul Fitri.

Keberangkatan tiba baginda dan kerabat-kerabat diraja dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia beserta adinda-adinda dan anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah sejurus selepas sempurna menunaikan sembahyang sunat 'Idul Fitri.

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Darulifta' Brunei Darussalam, Spg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam
Telefon: 02-235121, 02-224955 Fax: 02-235120

Website: www.brunet.bn/gov/mufti E-mail: mufti@brunet.bn dan Fatwa@brunet.bn